



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) ASRAMA PEKERJA TOP GLOVE, KLANG SELANGOR

Aktiviti yang dibenarkan

- Mendapatkan Bekalan Makanan
- Mendapatkan rawatan kesihatan

Aktiviti yang tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Orang luar tidak dibenarkan memasuki kawasan tempatan jangkitan PKPD tanpa kebenaran PDRM

Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- SOP-SOP lain yang berkaitan adalah tidak terpakai kepada kawasan tempatan jangkitan.

Waktu Berkuat Kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	Asrama Pekerja Top Glove Klang, Selangor
Tempoh Berkuat Kuasa	17 November 2020 (12.00 am) sehingga 30 November 2020 (11.59 pm)
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM, RELA & PBT. • Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. • Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian adalah dibenarkan tetapi perlu kemukakan permohonan pergerakan kepada pihak PDRM. Wakil keluarga boleh menghubungi CMC PKPD Asrama Pekerja Top Glove. • Perkhidmatan penghantaran makanan / barangan adalah dibenarkan sepanjang tempoh PKPD berdasarkan jadual yang ditetapkan oleh CMC PKPD Asrama Pekerja Top Glove. • Pemberian bantuan bekalan makanan akan diselaraskan secara bersama oleh CMC PKPD Asrama Pekerja Top Glove dan Syarikat Top Glove. • Semua pekerja tidak dibenarkan keluar daripada kawasan asrama. • Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.